

54,867 graduan menganggur tiga bulan sebelum konvokesyen

KUALA LUMPUR 17 Mac

- Sebanyak 54,867 atau 23.9 peratus daripada 228,568 graduan institusi pengajian tinggi di negara ini belum bekerja dalam tempoh tiga bulan sebelum konvokesyen berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan bagi tahun 2015.

Menteri Pendidikan Tinggi, **Datuk Seri Idris Jusoh** berkata, jumlah kebolehpasaran graduan itu pasti akan lebih tinggi sekiranya negara menggunakan penanda aras selama satu tahun sebagaimana dipraktikkan kajian peringkat antarabangsa.

Berikutan itu, katanya, pihak kementerian telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan Program Kebolehpasaran Graduan bertujuan menangani isu pengangguran selain membantu para pelajar meningkatkan keupayaan sara diri mereka selepas bergraduat.

"Program ini juga bertujuan meningkatkan nilai tambah graduan dari aspek kelayakan profesional dalam bidang masing-masing, keterampilan diri dan sahsiah bagi membantu golongan ini memperoleh pekerjaan serta relevan dengan keperluan majikan dalam pelbagai sektor. Program ini turut dibantu oleh Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) dan juga Talent Corp.

"Bagi mahasiswa yang masih belajar, beberapa program dilaksanakan seperti usahawan siswa yang menggalakkan mereka berniaga di dalam dan luar kampus. Ruang niaga pula disediakan di dalam kampus dan beberapa program dengan kerjasama Per-



IDRIS JUSOH



SHAMSUL ISKANDAR

badanan Usahawan Nasional Bhd. (PUNB), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju), Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) dan lain-lain dianjurkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan lisan **Shamsul Iskandar Mohd. Akin (PKR-Bukit Katil)** yang ingin mengetahui statistik graduan menganggur dan langkah-langkah berkesan yang telah, sedang dan akan dijalankan pihak kementerian bagi memastikan golongan itu memperoleh pekerjaan dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Mengulas lanjut, Idris memberitahu, program Sistem Purata Nilai Gred Keseluruhan Berintegriti (iCGPA) turut membantu mahasiswa yang membabit-

kan bukan hanya pentaksiran akademik semata-mata tetapi juga dari aspek keusahawanan, kemampuan pengurusan, kemahiran sosial dan komunikasi.

"Selain itu, pelaksanaan program dua tahun di universiti dan dua tahun di industri akan dilaksanakan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam bidang keusahawanan dan Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang pengurusan ladang bermula September ini.

"Program profisiensi bahasa Inggeris juga telah menampakkan peningkatan apabila mencapai *band 3* dalam *Malaysian University English Test* (MUET)," jelas beliau.

Dalam pada itu, mengulas mengenai isu lambakan graduan bidang kedoktoran yang tidak mendapat pekerjaan, Idris menjelaskan, Majlis Kesihatan sedang melihat perkara tersebut.